



## MENGATASI KEHILANGAN DATA

Kehilangan data boleh berlaku tanpa diduga disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kerosakan perkakasan storan, kecurian komputer riba atau serangan virus/malware.

Selain itu, bencana atau kemalangan turut menyumbang kepada kehilangan data seperti kebakaran atau banjir.

Dalam era digital ini, kehilangan data boleh menjejaskan operasi dan perkhidmatan universiti. Kebergantungan kepada data, menjadi alasan yang kukuh untuk setiap pengguna mengamalkan backup data secara berkala.

**BACKUP** adalah salinan data yang disimpan di tempat selain daripada komputer atau peranti mudah alih anda seperti komputer riba atau telefon pintar.

# APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN ?




## Kenalpasti data

Kenalpasti data/ fail/ folder yang perlu dibuat *backup* supaya lebih mudah diuruskan. Selain itu, langkah ini dapat menjimatkan ruang storan kerana data yang penting sahaja dibuat backup.



## Buat backup pada media storan

- Tentukan media storan yang sesuai bagi menyimpan data backup.
- Sekiranya perlu, simpan data backup pada lebih daripada satu media storan.



## Buat backup berkala

Buat backup secara berkala mengikut kesesuaian (secara harian, mingguan atau bulanan) bagi memastikan data backup adalah yang terkini.

Nota: Backup secara automatik boleh dibuat dengan bantuan program *Apple's Time Machine* atau *Microsoft Windows Backup and Restore*.



## Sentiasa pelihara keselamatan data

Sentiasa pelihara keselamatan data semasa proses backup dibuat. Enkrip data yang sulit, simpan media storan di tempat yang selamat dan pastikan data backup bebas daripada virus/malware.